

# Subsidi untuk pesakit buah pinggang

SHEILA ZAIDI

**KUCHING:** Pesakit buah pinggang di Sarawak kini boleh memohon bantuan dan subsidi menerusi Bantuan Khas Pesakit Buah Pinggang yang ditawarkan oleh Kerajaan Sarawak.

Menteri Kebajikan, Kesejahteraan Komuniti, Wanita, Keluarga dan Pembangunan Kanak-Kanak, Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, pesakit yang tidak menerima sebarang bantuan sangat digalakkan untuk memohon.

"Bantuan ini adalah inisiatif Kerajaan Sarawak untuk membantu meringankan beban pesakit buah pinggang di Sarawak yang memerlukan rawatan untuk sakit buah pinggang seperti hemodialisis.

"Malah, Kerajaan Sarawak menyediakan peruntukan sebanyak RM4.7 juta tahun ini untuk tujuan penyaluran bantuan tersebut," katanya.

Beliau berkata, demikian keapada pemberita dalam satu sidang media selepas

mengadakan lawatan ke Pusat Dialisis Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) - Persatuan Buah Pinggang Sarawak (KAS)/ Rotary, semalam.

Menurut Fatimah, menerusi bantuan ini, pesakit akan mendapat subsidi rawatan hemodialisis berjumlah RM100 setiap sesi bagi rawatan di pusat rawatan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan RM200 setiap sesi di pusat rawatan swasta dengan bantuan diberikan untuk 13 sesi sebulan.

Antara bantuan lain yang akan diterima pesakit ialah pemasangan *Arteriovenous Fistula* (AVF) berjumlah RM3,000, bantuan untuk suntikan *Erythropoietin* (EPO) sebulan berjumlah RM240 dan bantuan RM2,800 sebulan bagi rawatan *Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis* (CAPD), katanya.

Selain itu, di bawah bantuan khas ini Kerajaan Sarawak juga menyediakan bantuan sokongan pengangkutan iaitu sebanyak RM50 bagi satu sesi terhad kepada

da 13 sesi sebulan dengan keutamaan diberikan kepada pesakit yang tinggal di luar bandar.

Selain itu, katanya, bantuan khas berkenaan turut menyediakan bantuan RM5,000 untuk tujuan menjalani transplan buah pinggang yang akan diberikan sekali sahaja dan semua bayaran akan dibayar terus kepada pusat rawatan dan agensi yang menyediakan perkhidmatan kepada pesakit.

Bantuan ini juga, kata Fatimah, adalah untuk menampung kos pengangkutan penginapan pesakit yang perlu menjalani pemindahan buah pinggang di Kuala Lumpur atas syor Pakar Nefrologi Kerajaan.

"Antara kriteria untuk melayakkan pesakit memohon bantuan khas itu ialah, mereka mestilah tergolong dalam kumpulan B40 atau M40 dengan pendapatan per kapita tidak melebihi RM1,020 sebulan atau mengikut paras garis kemiskinan semasa."

"Selain itu, pemohon juga mestilah bukan pen-



**FATIMAH** menyampaikan buah tangan kepada salah seorang pesakit yang menjalani rawatan Haemodialisis semasa mengadakan lawatan ke Pusat Dialisis Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NKF) - Persatuan Buah Pinggang Sarawak (KAS)/ Rotary semalam.

jawat awam, pesara awam dan pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta tidak mendapat subsidi rawatan dan bantuan pengangkutan daripada mana-mana agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan," ujarnya.

Pemohon juga, kata

beliau, haruslah rakyat Sarawak, memegang kad pengenalan berstatus 'K' dan menetap di Sarawak serta tiada had umur untuk mendapat bantuan khas ini.

Borang bantuan ini boleh didapati di semua Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian, Pejabat Residen dan

Daerah, hospital dan klinik kerajaan atau dimuat turun dari laman web rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat Sarawak.

Borang yang telah siap diisi perlu dikembalikan ke Pejabat JKJM bahagian dan mereka yang layak akan dimaklumkan oleh pihak jabatan, katanya.